



Consumers Association of Penang (CAP)

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP).

Henti guna mainan kanak-kanak daripada plastik hitam kitar semula

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

GEORGETOWN: Ibu bapa dinasihatkan supaya menghentikan penggunaan alat permainan diperbuat daripada plastik hitam dikitar semula kerana berbahaya kepada kanak-kanak.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader, berkata ia bertujuan mengurangkan pendedahan mereka kepada bahan kimia bertoksik.

Mohideen berkata, alat permainan itu boleh mengancam kesihatan kanak-kanak.

Katanya, terdapat kajian analisis kesan bahan kimia toksik dalam alat permainan plastik kanak-kanak dan produk pengguna terhadap sel manusia.

Kajian itu kataya, dijalankan kumpulan penyelidik dari Arnika, BioDetection Systems dan International Pollutants Elimination Network (IPEN), iaitu jaringan masyarakat sivil global yang turut disertai CAP dalam advokasi masa depan bebas-toksik.

Penggunaan alat permainan berkenaan juga menjadi penyumbang besar pendedahan dioksin harian kepada kanak-kanak terutama apabila mereka memasukkan alat permainan itu ke dalam mulut.

"Sistem kitar semula pada masa ini membenarkan penggunaan bahan kimia kalis api dan dioksin yang dimasukkan ke dalam aliran kitar semula untuk menghasilkan produk berkenaan seperti alat permainan dikaji dalam penyelidikan ini.

"Malah, bahan kimia bertoksik yang didapati dalam semua sampel setara dengan tahap sisa berbahaya seperti abu daripada sisa insinerator," katanya kepada NSTP, hari ini.

Mohideen berkata, plastik hitam yang berasal daripada plastik sisa elektronik bertoksik tinggi itu mengandungi bahan kimia bertoksik bromin kalis api dan tahap kandungannya tinggi dalam sampel alat permainan.

Aktiviti dioksin tinggi dikenal pasti dalam sampel sel termasuk alat permainan kanak-kanak seperti yang digunakan bagi pergigian bayi (teething and mouthing).

Dioksin berbrominasi ialah bahan kimia berbahaya, diketahui sebagai pembantut tumbesaran otak, merosakkan sistem imun, meningkatkan risiko kanser, dan mengganggu fungsi tiroid.

Ia dibentuk secara tidak sengaja semasa penghasilan brominasi kalis api.

"Walaupun tidak dilarang secara global, dioksin berbrominasi diakui Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai bahan toksik berkait rapat dioksin berklorin.

"CAP menyokong seruan penyelidik supaya tindakan segera diambil bagi mengubah sistem global proses kitar semula untuk hindar bahan bertoksik berbahaya daripada memasuki rantaian ini.

"Malah, CAP juga menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Kementerian Kesihatan (KKM) bagi mengkaji semula secara serius sistem kitar semula serta menghentikan kitar semula bahan toksik, " katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/688059/henti-guna-mainan-kanak-kanak-daripada-plastik-hitam-kitar-semula>